



KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang terdiri dari syarikat 100% milik tempatan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) , Suruhanjaya Tenaga serta berdaftar dengan Majlis Bandaraya Kuantan dan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

BIL	TAJUK PERKHIDMATAN	KOD BIDANG MOF/CIDB	NO. SEBUTHARGA	HARGA SENASKAH
1	CADANGAN PERKHIDMATAN JURUTERA PELAWAT (ELEKTRIK) DAN PEMERIKSAAN SECARA RUTIN JANAKUASA TUNGGU SEDIA DAN ALATUBAH PADA PEPASANGAN ELEKTRIK MAJLIS BANDARAYA KUANTAN BAGI TAHUN 2023-2025.	KOD MOF: 330103 BERDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA TENAGA -JURUTERA ELEKTRIK KOMPETEN	MBK/W/SH: 53/2023	RM 30.00
2	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LOT RUMAH YANG ROSAK DI BLOK B SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PPRS PAK MAHAT, KUANTAN.	GRED : G1 KATEGORI : CE21	MBK/W/SH: 57/2023	RM 30.00

1. Dokumen tawaran boleh disemak dan dibeli pada waktu pejabat sahaja mulai **15 Mac 2023 (RABU)** di **Kaunter Berpusat Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.**
2. Syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan **Sijil Pendaftaran Majlis Bandaraya Kuantan, Sijil Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perolehan Kontrak Kerajaan (CIDB) dan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputra (BPKU)** serta satu salinan sijil-sijil berikut semasa pembelian dokumen sebutharga.
 - a. **Bukti Pelepasan i-Clean** (<http://iclean.mbk.gov.my/portal>)
 - b. **Sijil CIDB (SPKK,SPK)** (tarikh sijil masih sah laku)
 - c. **Sijil SSM**
 - d. **Sijil MBK** (tarikh sijil masih sah laku)
 - e. **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputra (BPKU)**
 - f. **Cukai Pintu**
 - g. **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia**
 - h. **Sijil Suruhanjaya Tenaga (MBK/W/SH:53/2023)**
3. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis di sudut kiri atas tajuk kerja dan no. sebutharga seperti di atas dan dikembalikan kepada:- **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuantan, Kaunter Berpusat Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum tarikh tutup tawaran iaitu tepat jam **12.00** tengahari pada atau sebelum **24 Mac 2023 (Jumaat).**
4. Pihak MBK tidak terikat untuk menerima tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa juga perbelanjaan yang di tanggung oleh petender untuk mengemukakan tawaran ini. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Bahagian Penyelenggaraan, Jabatan Kejuruteraan, MBK** di talian : **09-5111704.**